

PEMEROLEHAN KEMAHIRAN BERBAHASA ASING: KEPENTINGAN DAN CABARAN

Mohd Nor Azan Abdullah

Pusat Penataran Ilm dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

E-mel: azan@ums.edu.my

Philiadiran Philip

Pusat Penataran Ilm dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

E-mel: philiadiranp@gmail.com

ABSTRAK

Bahasa Asing adalah bahasa eksotik kerana bahasa tersebut bukan merupakan bahasa ibunda. Dalam erti kata sebenar, bahasa tersebut tidak dipertuturkan oleh masyarakat setempat. Bahasa tersebut lahir dari luar negara. Pemerolehan bahasa tersebut perlu melalui pembelajaran formal yang dipelajari melalui tahap asas atas minat mahupun atas kepentingan bahasa sebagai bahasa ilmiah, teknologi, perniagaan dan pelancongan. Kepentingan menguasai bahasa asing bukan sahaja memberikan nilai tambah dalam merebut peluang pekerjaan yang bersifat international malah penutur yang berkemahiran bahasa asing dapat membantu sosio-ekonomi kehidupan masyarakat. Permasalahan kajian merujuk kepada kurangnya kefahaman kepentingan menguasai kemahiran berbahasa asing. Objektif kajian merungkai kepentingan penguasaan bahasa asing akan dapat membantu masyarakat meningkatkan tahap sosioekonomi. Pengkaji juga, mengupas cabaran yang harus dihadapi dalam memperolehi kemahiran berbahasa asing. Mempelajari bahasa asing memberikan ruang pengetahuan budaya asing serta menambah keyakinan diri seseorang dalam berkomunikasi sebagai individu berkemahiran bahasa asing. Kaedah kajian campuran (*mix method*) iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif digunakan bagi mendapatkan dapatan kajian. Kaedah kualitatif merujuk kajian kepustakaan melalui rujukan sumber-sumber ilmiah. Penyelidik juga menemu bual beberapa informan terpilih untuk memperolehi data kajian. Dapatan kajian menunjukkan pemerolehan kemahiran bahasa asing menyediakan peluang-peluang pekerjaan dalam bidang perhotelan, pelancongan, terjemahan dan sebagai pegawai diplomatik negara. Penyelidikan ini memberikan ruang kepada pembaca, mengetahui dan memahami kepentingan dan cabaran pemerolehan kemahiran bahasa asing dalam pembangunan diri dan sosio-ekonomi masyarakat.

Kata kunci: *Pemerolehan berbahasa asing; kepentingan, cabaran*

1. PENGENALAN

Bahasa asing merujuk kepada bahasa yang bukan bahasa ibu atau bahasa utama digunakan dalam suatu komuniti atau negara tertentu. Menurut Abdul Razif et al. (2019), bahasa asing ialah bahasa yang dipelajari oleh seseorang selepas bahasa ibunda yang jauh dari atau bukan dalam wilayahnya. Terma ini digunakan bila mana sesebuah bahasa tersebut tidak digunakan sebagai bahasa komunikasi atau sebagai bahasa perantara. Bahasa asing dipelajari sebagai bahasa tambahan untuk keperluan komunikasi, pendidikan, perdagangan atau budaya dengan penutur dari latar belakang yang berbeza. Kemahiran berbahasa asing merupakan pintu kepada masyarakat di Sabah khususnya dan di Malaysia amnya untuk dapat berinteraksi dengan masyarakat global.

Pelajar kurang pengetahuan mengenai peluang dan kepentingan mempelajari bahasa asing. Pelajar menganggap mempelajari bahasa asing sebagai syarat untuk melengkapkan pengijazahan mereka. Kurangnya pengetahuan pelajar berkenaan peluang dan kepentingan mempelajari bahasa asing menyebabkan mereka mempelajari bahasa asing sekadar untuk

memenuhi syarat graduasi di institusi pengajian dan bukannya dipraktikkan demi kegunaan masa hadapan khususnya selepas mereka menamatkan pengajian. Menurut Kai-Chee Lam et al. (2020), selain memperkaya pengetahuan tentang bahasa, mempelajari bahasa asing turut menambah nilai semasa mencari pekerjaan, bernilai komersial dan penggunaan yang meluas. Kenyataan ini turut disokong oleh Azman Che Mat dan Goh Ying Soon (2021) yang menyatakan pembelajaran bahasa asing dengan menekankan kegunaannya di masa hadapan khususnya dalam suasana pekerjaan perlu untuk diberikan perhatian sepenuhnya.

2. OBJEKTIF

Kajian ini mengetengahkan kepentingan penguasaan bahasa asing dalam membantu masyarakat meningkatkan tahap sosioekonomi serta cabaran yang dihadapi dalam perolehan kemahiran berbahasa tersebut. Dengan adanya kajian ini, masyarakat akan lebih sedar tentang keperluan menguasai bahasa asing. Ianya akan membuka peluang yang lebih besar dalam kerjaya individu dan masyarakat serta akan menyumbangkan peningkatan taraf sosioekonomi masyarakat khususnya.

3. METODOLOGI

Untuk mengetahui kepentingan dan cabaran menguasai bahasa asing, maka pengkaji mengambil sampel kajian yang melibatkan pengetahuan pelajar yang sedang mengikuti program bahasa asing di Universiti Malaysia Sabah dan masyarakat luar yang terlibat dengan kegiatan pelancongan sama ada secara langsung mahu tidak secara langsung. Ini kerana mereka mewakili masyarakat yang berasal daripada pelbagai daerah di Malaysia sama ada di Sabah, Sarawak mahu dari Semenanjung Malaysia. Pengkaji menggunakan kaedah campuran (*mix-method*) dalam memperoleh dan menganalisis data kajian. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan 270 borang soal selidik, secara rawak kepada responden kajian yang merupakan pelajar Universiti Malaysia Sabah. Pengkaji juga melakukan sesi temu bual kepada beberapa orang informan, di sekitar Negeri Sabah untuk mendapatkan data kajian yang diperlukan. Disamping itu, pengkaji mengumpul data kajian melalui kaedah kualitatif. Kajian kepustakaan dibuat dengan merujuk pelbagai rujukan ilmiah.

4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Kepentingan penguasaan bahasa asing membantu masyarakat meningkatkan tahap sosioekonomi

Kepentingan didefinisikan sebagai perihal, keadaan atau sifat penting, peri mustahak atau keperluan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Sosioekonomi pula merujuk kajian tentang hubungan antara faktor sosial dan ekonomi dalam masyarakat (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007) iaitu kepentingan penguasaan bahasa asing berkaitan rapat dengan kehidupan sosial berserta kegiatan ekonomi mereka. Kajian ini akan mengungkapkan manfaat-manfaat yang diperolehi oleh kelompok individu mahupun masyarakat apabila menguasai kemahiran berbahasa asing dari aspek status sosial dan ekonomi. Jadual 1 berikut merupakan dapatan soal selidik berkaitan kepentingan penguasaan bahasa asing.

Jadual 1: Data soal selidik kepentingan penguasaan bahasa asing

Kepentingan	Kekerapan		Mod
	PILIHAN	BUKAN PILIHAN	
Memudahkan saya mendapat kerja	165 (61.1%)	105 (38.9%)	Pilihan
Menjadi orang berstatus sosial tinggi	71 (26.3%)	199 (73.7%)	Bukan Pilihan
Memudahkan saya mendapat kerja yang bergaji tinggi	69 (25.6%)	201 (74.4%)	Bukan Pilihan
Lebih melayakkan saya bekerja di syarikat multi-nasional	178 (65.9%)	92 (34.1%)	Pilihan
Merupakan sumber manusia yang lebih berdaya saingan	158 (58.5%)	112 (41.5%)	Pilihan

Berdasarkan data soal selidik di atas, seramai 165 orang iaitu 61.1% daripada keseluruhan responden kajian memilih bahawa penguasaan bahasa asing penting dalam *'memudahkan saya mendapat kerja.'* Ini menggambarkan bahawa masyarakat menyedari bahawa kemahiran bertutur menggunakan bahasa asing dapat membuka peluang kerja yang lebih luas, menjadi lebih kompetitif di dunia kerja, serta memberikan mereka kelebihan untuk beradaptasi khususnya apabila berkerja di lingkungan yang multi-budaya. Selain itu, seramai 178 orang iaitu 65.9% daripada keseluruhan responden memilih pilihan kepentingan bahasa asing yang *'lebih melayakkan saya bekerja di syarikat multi-nasional.'* Pilihan majoriti responden ini menggambarkan bahawa masyarakat menyedari keperluan penguasaan bahasa asing sebagai alat komunikasi global terutamanya dalam syarikat-syarikat multinasional di pelbagai negara, serta membolehkan seseorang bekerja dengan lebih efektif sebagai penghubung penting dalam kolaborasi dagang yang melibatkan syarikat domestik dan antarabangsa. Seterusnya, seramai 158 orang iaitu 58.5% daripada jumlah keseluruhan responden memilih bahawa penguasaan bahasa asing *'merupakan sumber manusia yang lebih berdaya saingan.'* Ini menggambarkan bahawa masyarakat juga mengetahui manfaat fasih bertutur menggunakan bahasa asing memberikan mereka nilai tambah khususnya dalam mendapatkan kerja di syarikat-syarikat antarabangsa ternama yang memberikan tawaran gaji tinggi.

Berdasarkan data soal selidik dalam Jadual 1 di atas, lebih ramai masyarakat yang tidak memilih kepentingan menguasai bahasa asing dapat *'menjadi orang berstatus sosial yang tinggi'* iaitu seramai 199 orang iaitu 73.7% daripada jumlah keseluruhan responden. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat tidak memahami kepentingan penguasaan bahasa asing berupaya memberikan akses pendidikan yang lebih baik khususnya apabila melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi luar negara serta membentuk sikap keterbukaan terhadap budaya lain. Seterusnya, berdasarkan data soal selidik terdapat lebih ramai responden tidak memilih *'memudahkan saya mendapat kerja yang bergaji tinggi'* sebagai manfaat menguasai bahasa asing adalah seramai 201 orang iaitu 74.4% daripada jumlah keseluruhan responden kajian. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat tidak mengetahui pemerolehan kemahiran bahasa asing memberikan mereka keunggulan dari segi tawaran gaji. Hal demikian kerana penguasaan bahasa asing dapat memberikan peluang pekerjaan yang lebih luas terutamanya di syarikat-syarikat global yang menawarkan gaji yang jauh lebih tinggi. Ini kerana kebolehan seseorang untuk berbahasa asing dapat memenuhi keperluan dalam perusahaan multinasional dan dapat meningkatkan daya saing dalam pasaran global.

4.2 Cabaran yang dihadapi dalam memperolehi kemahiran berbahasa asing

Cabaran merujuk kepada sesuatu yang sukar untuk dilakukan, diatasi, atau dicapai (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Menurut Lazarus dan Folkman (1984), cabaran adalah situasi yang memerlukan adaptasi atau penyelesaian masalah. Manakala McGrath (1976) mendefinisikan cabaran sebagai tuntutan yang memerlukan sumber dan strategi untuk diatasi. Dapat disimpulkan bahawa cabaran ialah halangan, tuntutan, atau situasi sukar yang memerlukan usaha, kreativiti dan strategi untuk diatasi sama ada dalam konteks individu, organisasi, atau masyarakat. Kajian ini akan menyelidiki cabaran-cabaran yang dihadapi dalam memperolehi kemahiran berbahasa asing.

Jadual 2: Data soal selidik cabaran memperolehi kemahiran berbahasa asing

Cabaran	Kekerapan				Mod
	PILIHAN		BUKAN PILIHAN		
Individu/peribadi	173	(64.07%)	97	(35.93%)	Pilihan
Fasiliti/kemudahan dan persekitaran	66	(24.44%)	204	(75.56%)	Bukan Pilihan
Tenaga pengajar bahasa asing	33	(12.22%)	237	(87.78%)	Bukan Pilihan
Struktur bahasa berbeza antara bahasa ibunda dan bahasa asing	189	(70%)	81	(30%)	Pilihan

Berdasarkan dapatan soal selidik dalam Jadual 2 di atas, seramai 173 orang iaitu 64.07% daripada bilangan responden kajian memilih faktor '*individu/peribadi*' sebagai cabaran yang dihadapi dalam memperolehi kemahiran berbahasa asing. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat menyatakan masalah dalaman seperti masalah individu atau peribadi mempengaruhi pembelajaran bahasa asing. Cabaran individu/peribadi yang dihadapi oleh masyarakat boleh berupa faktor motivasi yang rendah, kurangnya keyakinan diri, gaya pembelajaran sendiri yang tidak sesuai serta pengurusan masa yang tidak teratur. Selain itu, dapatan soal selidik juga menunjukkan bahawa kebanyakan responden memilih '*struktur bahasa berbeza antara bahasa ibunda dan bahasa asing*' sebagai cabaran yang mereka hadapi dalam memperolehi kemahiran berbahasa asing adalah seramai 189 orang iaitu 70% daripada jumlah keseluruhan responden kajian. Dapat disimpulkan bahawa perbezaan penggunaan fonem, morfem, sintaksis dan peraturan tata bahasa antara bahasa ibunda dengan bahasa asing yang mereka pelajari merupakan salah satu penghalang utama dalam menguasai bahasa asing.

Manakala untuk faktor '*fasiliti/kemudahan dan persekitaran*' pula bukanlah cabaran yang dihadapi oleh kebanyakan responden. Seramai 204 orang iaitu 75.56% daripada bilangan keseluruhan responden tidak memilih faktor tersebut sebagai cabaran mereka dalam memperolehi kemahiran berbahasa asing. Ini menunjukkan bahawa masyarakat memiliki fasiliti pembelajaran yang cukup untuk mempelajari bahasa asing, memiliki persekitaran yang menyokong seperti suasana pembelajaran selesa, serta memiliki kemudahan infrastruktur seperti kemudahan internet, kemudahan komputer dan keperluan elektrik untuk memperolehi kemahiran dalam menguasai bahasa asing. Selain itu, sebanyak 237 orang iaitu 87.78% daripada bilangan keseluruhan responden kajian tidak memilih faktor '*tenaga pengajar bahasa asing*' sebagai cabaran yang mereka hadapi dalam mempelajari bahasa asing. Dapat disimpulkan bahawa kebanyakan masyarakat mengakui kepakaran dan kompetensi yang dimiliki oleh tenaga-tenaga pengajar bahasa asing khususnya di institusi-institusi di Sabah khususnya, di Malaysia amnya.

5. KESIMPULAN

Penyelidikan ini amat penting terutamanya dalam mengetahui betapa pentingnya menguasai kemahiran berbahasa asing. Dengan mengetahui manfaat yang diperolehi dalam mempelajari bahasa asing khususnya dalam bidang sosioekonomi, masyarakat akan termotivasi dan lebih berminat untuk mempelajari dan menguasai bahasa asing. Dapatan ini membolehkan pihak pengurusan sesebuah institusi pengajian tinggi untuk mengatasi masalah yang menghalang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam institusi berkenaan. Penyelidikan ini membolehkan masyarakat mengetahui kepentingan dan kesan positif pemerolehan bahasa asing dalam pembangunan sosio-ekonomi negara khususnya di negeri Sabah. Temu bual terhadap individu yang bekerja dalam sektor sosio-ekonomi seperti sebagai pemandu pelancong, pekerja hotel dan pekerja restoran dapat memberikan maklumat tentang keperluan dan kepentingan untuk mempelajari bahasa-bahasa asing. Dapatan ini dapat meyakinkan lagi persepsi masyarakat terhadap kepentingan mempelajari bahasa asing di institusi pengajian tinggi khususnya dalam mencari peluang pekerjaan.

6. RUJUKAN

- Abdul Razif Zaini, Noorshamsinar Zakaria, Hasmadi Hamdan, Muhammad Redzaudin Ghazali, & Mohd Rufian Ismail. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47-57. <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/4/4>
- Azman Che Mat, & Goh Ying Soon. (2021). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*, 2(2), 9-21. http://journalarticle.ukm.my/1498/1/3- Azman_Che_Mat_0_5.pdf
- Kai-Chee Lam, Nur Athirah Binti Suib, Foo-Terng Hoe, & Sheau-Ping Wee. (2020). Faktor Pemilihan Kursus Bahasa Cina dan Bahasa Jepun: Satu Kajian Perbandingan. *MANU*, 31(1), 153-176. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/MANU/article/view/2096/1618>
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lazarus, R., & Folkman, S. (1984). *Stress, Appraisal, and Coping*. Springer.
- McGrath, J. E. (1976). Stress and behaviour in organizations. In M. D. Dunnette (Ed.), *Handbook of industrial and organizational psychology*. Rand McNally.